

**TEKS UCAPAN
YBRS PROF. DR. MOHAMAD HAFIZ MAMAT
TIMBALAN REKTOR PENYELIDIKAN DAN
INOVASI**

**MEWAKILI
YBRS. PROFESOR DR. AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR, UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
WRITING WORKSHOP 2025: STRATEGIES FOR
HIGH-IMPACT PUBLICATIONS**

**22 SEPTEMBER 2025 | ISNIN | 8.30 PAGI
DEWAN SEMINAR 2
PTAR KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH ROBBIL ‘AALAMIIN
WASOLAATU WASSALAAMU ‘ALAA ASYRAFIL
ANBIYAAI WALMURSALIIN WA ‘ALAAALIHI
WASOHBIHI AJMA’IN**

YBrs. Profesor Ts. Dr. Asmal Awal

Pengarah Nexus Penyelidikan UiTM (ReNeU)

YBrs. Profesor Ir. Ts. Dr. Mohamad Hafiz Mamat

Timbalan Rektor Penyelidikan dan Inovasi

UiTM Cawangan Selangor

Barisan Ketua-ketua dan koordinator RENEU serta

Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UiTM

Cawangan Selangor

Warga UiTM Cawangan Selangor, tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Terlebih dahulu, mewakili YBrs. Profesor Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman, Rektor UiTM Cawangan Selangor, saya menyampaikan salam beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir.
2. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul dalam Program ***Smart Scholarly Writing Workshop: Empowering Style, Enhancing Quality*** bersama Nexus Penyelidikan UiTM (ReNeU), UiTM pada pagi yang penuh berkat ini.

3. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak ReNeU atas inisiatif bersama menganjurkan program ini.
4. Usaha ini saya lihat sebagai sebuah platform strategik yang mampu memperkukuh jaringan kerjasama antara ReNeU, BPI, dan para penyelidik di setiap pusat tanggungjawab (PTJ) UiTM Cawangan Selangor, sekali gus menyokong agenda penyelidikan universiti ke arah kecemerlangan yang lebih mapan.
5. Saya melihat bengkel ini bukan sahaja sebagai sebuah wadah ilmiah, tetapi juga sebagai satu usaha strategik untuk memperkukuh kemahiran para pensyarah dan penyelidik dalam bidang penulisan akademik serta penerbitan berimpak tinggi.

6. Inisiatif sebegini akan memperkasa budaya penyelidikan di kampus, sekali gus mengangkat martabat UiTM Cawangan Selangor sebagai pusat rujukan ilmu.
7. Saya yakin dengan komitmen yang berterusan, kita mampu melahirkan hasil penyelidikan yang lebih berdaya saing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Hadirin sekalian,

8. Dalam era globalisasi ilmu, penerbitan bukan lagi pilihan, tetapi satu keperluan bagi memastikan hasil penyelidikan dapat disebar dan memberi impak kepada komuniti, industri, serta negara.
9. Saya berharap agar semua peserta dapat memanfaatkan peluang ini sebaik-baiknya dan memberi tumpuan sepenuhnya, mengambil inisiatif

untuk bertanya soalan, mendapatkan pandangan daripada fasilitator, serta berkongsi cabaran yang dihadapi dalam proses penerbitan.

10. Gunakanlah kesempatan ini untuk membina rangkaian kolaborasi dengan rakan-rakan penyelidik, kerana melalui usaha sebegini kita dapat memperkukuh ekosistem penyelidikan yang lebih mapan.

11. Mudah-mudahan inisiatif ini akan membawa kepada peningkatan bilangan penerbitan berkualiti tinggi daripada UiTM Cawangan Selangor.

12. Sekali lagi, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ReNeU atas kerjasama strategik yang terjalin, kepada para penceramah dan fasilitator yang sudi meluangkan masa berkongsi kepakaran, serta kepada

jawatankuasa penganjur yang telah bekerja keras menjayakan bengkel ini.

13. Bahagian Penyelidikan dan Inovasi UiTM Cawangan Selangor berharap penganjuran bengkel ini dapat meningkatkan penerbitan berkualiti tinggi, memperkukuh sitasi, serta menghasilkan penyelidikan berimpak kepada komuniti, industri, dan negara, selaras dengan aspirasi UiTM sebagai peneraju penyelidikan yang relevan, berdaya saing, dan berinovasi.

14. Akhir kata, semoga usaha ini menjadi pemangkin kepada kecemerlangan penyelidikan di UiTM dan membawa manfaat yang berkekalan.

Bunga kemboja harum berseri,
Indah dipandang penyejuk mata;
Ilmu penyelidikan terus dihargai,
UiTM unggul menjulang nama.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**